

D206

U 8961 DEB
MAHATHIR - REBUTAN R R R

KUALA LUMPUR, 30 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN MALAM INI BAHAWA TINDAKAN SESETENGAH BEKAS PEMIMPIN UMNO UNTUK MEREbut KUASA SECARA +HABIS-HABISAN+ AKAN HANYA MENGHANCURKAN PERPADUAN ORANG MELAYU DAN AKHIRNYA MELENYAPKAN KUASA POLITIK YANG ADA PADA MEREKA SEKARANG.

SAMBIL MENYEBUT KEMPEN MEMBURUK-BURUKKAN KERAJAAN YANG BERJALAN RANGKAI SEKARANG, TERUTAMA DI KELANTAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA KUASA POLITIK ITU YANG BELIAU SIFATKAN SATU-SATUNYA KEKUATAN YANG MASIH ADA PADA ORANG MELAYU LENYAP, SETIAP ORANG AKAN MENANGGUNG KERUGIAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO (BARU) MEMBERI AMARAN INI SEMASA BERUCAP DI SATU PERTEMUAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN PENERANGAN DAN JABATAN-JABATAN SERTA AGENSI-AGENCI DI BAWAH KEMENTERIAN ITU DI SINI.

KIRA-KIRA 1,500 ORANG TERMASUK KETUA-KETUA PENERANGAN BAHAGIAN UMNO (BARU) HADIR DI PERTEMUAN ITU.

YANG TURUT HADIR IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMAD RAHMAT SERTA BEBERAPA ORANG MENTERI KABINET LAIN. -- LAGI.

2232MST 30 04 88

U 8963 DEB
MAHATHIR - REBUTAN 2 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA KEKUATAN ORANG MELAYU SELAMA INI BERPUNCA DARIPADA PERPADUAN MEREKA DI BAWAH UMNO.

DENGAN PERPADUAN INI JUGA UMNO TELAH MEMENANGI BANYAK PILIHAN RAYA.

+TETAPI SEKIRANYA PERPADUAN INI LENYAP DAN ORANG MELAYU BERPECAH, MAKA KITA AKAN KALAH DALAM PILIHAN RAYA. JIKA INI BERLAKU, TIADA SIAPA YANG AKAN UNTUNG+ TEGAS BELIAU.

BELIAU MENGULANGI KENYATAANNYA BAHAWA PERPECAHAN DI KALANGAN BEKAS ANGGOTA UMNO SEKARANG BERPUNCA DARI KEGHAIRAHAN MEREbut KUASA TANPA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN PARTI, BANGSA DAN NEGARA.

TABIAT SUKA MENCABAR PEMIMPIN YANG DIPILIH SECARA DEMOKRATIK ATAS ALASAN MEMATUHI AMALAN DEMOKRASI, KATANYA, MERUPAKAN PUNCA UTAMA YANG MENYEBABKAN PERPECAHAN.

+DAHULU TIDAK ADA PERBUATAN CABAR MENCABAR PEMIMPIN. ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MENGHORMATI KEPUTUSAN RAMAI DAN YANG MENJADI KEUTAMAAN MEREKA IALAH PERPADUAN MELAYU+ KATANYA.

MENURUT BELIAU, PEMIMPIN-PEMIMPIN MASA SILAM ADA YANG TERPAKSA DIPUJUK UNTUK DICALONKAN.

TRADISI INI MULA DIPECAHKAN APABILA JAWATAN-JAWATAN PENTING DALAM PARTI SEPERTI JAWATAN NAIB PRESIDEN DIPERTANDINGKAN. -- LAGI.

2251MST 30 04 88

U B966 DEB
MAHATHIR - REBUTAN 3 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU MENGINGATI BAHAWA PERSAINGAN UNTUK MENDAPAT PENGARUH DAN DENGAN ITU MENJEJASKAN PERPADUAN, MULA KELIHATAN DALAM PEREBUTAN UNTUK JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN PADA TAHUN 1981.

TETAPI PADA MASA ITU TIADA SESIAPA YANG DITUNJUK UNTUK JAWATAN ITU DAN PERTANDINGAN ITU MUNGKIN MERUPAKAN SATU JALAN KELUAR.

+TETAPI PADA TAHUN 1984, SUDAH ADA TIMBALAN PRESIDEN YANG DIPILIH OLEH MAJORITI SECARA DEMOKRATIK DAN OLEH ITU PERTANDINGAN TIDAK DIPERLUKAN LAGI,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, BEKAS PEMIMPIN BERKENAAN AWAL-AWAL LAGI TELAH MENUNJUKKAN SIKAPNYA TIDAK MENGHORMATI KEPUTUSAN MAJORITI.

+TETAPI KITA BUKANLAH SEORANG MANUSIA YANG ZALIM. KITA TERUS KEKALKAN BELIAU DALAM KABINET.+

+DAN TABIAT SUKA MENCABAR INI DITUNJUKKAN LAGI DALAM PERTANDINGAN 1987 APABILA JAWATAN PRESIDEN PULA DICABAR+

+OLEH KERANA INI MELIBATKAN SAYA, SAYA SENDIRI BERADA DALAM KEADAAN SERBA SALAH+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA BELIAU SENDIRI SUDAH DAPAT MEMBAYANGKAN AKIBAT BURUK PERTANDINGAN SEUMPAMA INI LAMA SEBELUMNYA. -- LAGI.

2323MST 30 04 88

U B968 DEB
MAHATHIR - REBUTAN 4 KUALA LUMPUR R R R

DENGAN PERTANDINGAN ITU, MAKA TERDAPAT DUA TEMPAT RUJUKAN DALAM UMNO DAN MASING-MASING ANGGOTA PERGI KE TEMPAT RUJUKAN MASING-MASING.

AKIBATNYA PERPECAHAN MENJADI SEMAKIN MERUNCING.

KATANYA, PERBUATAN TIDAK MAHU MENERIMA KEPUTUSAN MAJORITI INI DITERUSKAN MELALUI BERBAGAI-BAGAI TINDAKAN TERMASUK MENGGUNAKAN MAHKAMAH PADA HAL KALAU DEMOKRASI BENAR-BENAR DIPATUHI PERKARA INI TIDAK SEPATUTNYA BERLAKU KERANA DEMOKRASI TELAH MENETAPKAN BAHAWA KEMENANGAN TETAP KEMENANGAN WALAUPUN DENGAN SATU UNDI.

DALAM UCAPANNYA ITU, PERDANA MENTERI JUGA MENGULAS KENYATAAN BEKAS MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH BARU-BARU INI KONONNYA BELIAU TIDAK +GENTLE+ KERANA MENGGUGURKAN BEBERAPA ORANG BEKAS MENTERI KABINET WALAUPUN MEREKA MENANG SEBAGAI ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO.

KATANYA, MEREKA TIDAK DIGUGURKAN KERANA MENYOKONG TENGGU RAZALEIGH SEBAGAIMANA YANG DIDAKWA.

+ORANG-ORANG INI TERANG-TERANG MENYATAKAN BAHAWA MEREKA SUDAH HILANG KEPERCAYAAN TERHADAP KEPIMPINAN PRESIDEN SEMASA BERKEMPEN. MEREKA JUGA BERKATA MEREKA TIDAK BERSETUJU DENGAN DASAR-DASAR KERAJAAN DI SAMPING MEMBOCORKAN BANYAK RAHSIA KABINET+

+MACAM MANA KITA BOLEH KEKALKAN ORANG-ORANG YANG MACAM INI?+ TANYA BELIAU. -- BERNAMA.

2337MST 30 04 88